

07 JAN 1999

Rahim-Rentetan

RENTETAN PERISTIWA YANG MEMBAWA KEPADA PELETAKAN JAWATAN RAHIM

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Berikut ialah rentetan peristiwa yang membawa kepada peletakan jawatan Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor yang berkuatkuasa esok.

Abdul Rahim dalam satu kenyataan berkata beliau mengambil tanggungjawab sepenuhnya terhadap kecederaan yang dialami bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa dalam tahanan polis.

20 Sept: Anwar ditahan polis dalam satu operasi di kediamannya di Damansara beberapa jam selepas mengetuai perhimpunan penyokongnya di Masjid Negara dan Dataran Merdeka.

Polis mendakwa Anwar terbabit dalam beberapa angkara yang mencetuskan pecah keamanan, perhimpunan haram, kekerasan jenayah dan merusuh.

21 Sept: Polis mengeluarkan kenyataan bahawa Anwar ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

27 Sept: Anwar membuat satu laporan polis mengenai kecederaan yang dialaminya semasa dalam lokap Bukit Aman.

29 Sept: Anwar buat pertama kalinya muncul di khalayak ramai selepas penahanannya apabila dibawa ke mahkamah untuk menghadapi sembilan pertuduhan iaitu lima tuduhan rasuah dan empat tuduhan meliwat.

Anwar yang hadir di mahkamah dengan kesan lebam di mata kiri, memberitahu Hakim Mahkamah Sesyen Hasnah Datuk Hashim bahawa beliau telah dipukul polis semasa berada di lokap Bukit Aman selepas ditahan pada 20 Sept.

Pada hari yang sama, polis mengesahkan satu pasukan penyiasat bebas ditubuhkan bagi menyiasat dakwaan bekas timbalan perdana menteri itu.

Pasukan khas diketuai Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Melaka, ACP Mat Zin Ibrahim ditubuhkan bagi menyiasat dakwaan Anwar dan setiap laporan berkaitan penyiasatan polis akan dihantar terus ke pejabat Peguam Negara.

3 Okt : Anwar dibawa untuk pemeriksaan di Hospital Universiti dan meninggalkan hospital keesokan harinya.

14 Okt: Anwar dibebaskan daripada tahanan di bawah ISA dan dipindahkan ke penjara Sungai Buloh.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata laporan awal mengenai penyiasatan terhadap dakwaan Anwar yang beliau dipukul oleh polis akan dihantar terus ke pejabat Peguam Negara.

15 Okt: Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah berkata laporan berkaitan penyiasatan polis terhadap dakwaan Anwar bahawa beliau dipukul polis, belum diterima dan menafikan laporan sebuah akhbar yang laporan itu telah siap.

19 Nov: Fail siasatan polis diserahkan kepada Peguam Negara.

20 Nov: Mohtar mengesahkan menerima laporan penyiasatan pasukan khas mengenai dakwaan Anwar dan ianya dikaji serta diteliti oleh beliau dan pegawai-pegawai kanan bahagian pendakwaan jabatannya.

4 Dis : Mohtar melantik Pakar Perunding Perubatan Forensik Hospital Kuala Lumpur Dr Abdul Rahman Yusuf untuk membantu beliau dari aspek forensik bagi mengkaji dakwaan Anwar dan kecederaan-kecederaan yang didapati pada badannya seperti yang disebutkan dalam laporan-laporan perubatan berkenaan.

21 Dis: Dr Abdul Rahman menyerahkan laporan khasnya kepada Peguam Negara.

30 Dis: Mohtar mengarahkan pasukan penyiasat khas untuk melengkapkan penyiasatan mereka dengan mengambil pernyataan sembilan pegawai kanan polis

yang belum dirakamkan lagi.

Mereka ialah Tan Sri Abdul Rahim Noor (Ketua Polis Negara), Tan Sri Norian Mai (Timbalan Ketua Polis Negara), Datuk Mohd Ghazali Yacub (Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam), Datuk Mohd Jamil Johari (Pengarah Pengurusan), Datuk Yaacob Mad Amin (Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah);

Datuk Mohd Yusof Abdul Rahman (Pengarah Cawangan Khas), Datuk Kamaruddin Ali (Ketua Polis Kuala Lumpur), Datuk Ramli Yusoff (Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah) dan Datuk Meor Chek Hussein Mahayuddin (Komander Pasukan Gerak Khas).

5 Jan : Mohtar berkata ada kecederaan di bahagian tertentu tubuh Anwar terbukti disebabkan oleh polis dan berpendapat Polis Diraja Malaysia bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kecederaan itu.

Bagaimanapun di peringkat ini siasatan belum mengenalpasti siapa yang bertanggungjawab di atas kecederaan berkenaan.

Mohtar berkata berdasarkan keterangan yang diperolehi setakat ini, belum terdapat kes prima facie untuk membolehkan pendakwaan dimulakan di bawah seksyen 323 Kanun Keseksaan terhadap mereka yang terbabit.

5 Jan: Pelbagai pihak termasuk parti politik dan badan bukan kerajaan (NGO) meminta kerajaan menubuhkan suruhanjaya bebas untuk menyiasat kecederaan Anwar.

6 Jan : Perdana Menteri berkata kerajaan akan menimbangkan cadangan beberapa pihak yang mahu suruhanjaya bebas ditubuhkan untuk menyiasat kecederaan Anwar.

7 Jan: Abdul Rahim yang berkhidmat dengan pasukan polis sejak 1969 dan menjadi Ketua Polis Negara pada 1994, meletak jawatan berkuatkuasa esok.

-- BERNAMA

NHD/SBB AHH RON